

Kembangkan seni silat di sekolah: Adib Adam

10 JUN 1981

MELAKA, ^{pencah silat} — Ketua Menteri, Encik Mohd Adib Haji Mohd Adam mengesyorkan seni silat dimasukkan dalam kegiatan luar sekolah untuk mengelakkan murid-murid terlibat dalam kegiatan tidak ingini seperti penyalahgunaan dadah dan keruntuhan akhlak.

"Saya berharap Kementerian Pelajaran memandang berat perkara ini selaras dengan usaha mengembangkan seni silat ke sekolah-sekolah", tegas beliau.

Bagaimanapun, beliau merasa agak kesal kerana kebanyakan anak-anak muda yang mempelajari seni silat mengasaskan pemikirannya kepada kekuatan fizikal sahaja dan bukannya kekuatan seni itu.

Encik Adib mengingatkan sebagai seni, silat tidak lagi berfungsi sebagai kekuatan fizikal sahaja tetapi apa yang kita hendak cari ialah kekuatan seninya.

Ketua Menteri memberitahu demikian sewaktu berucap di pertandingan silat Malam Pendekar anjuran Majlis Gabungan Seni Silat Negeri Melaka (MGSSM) di Stadium Kubu di sini malam tadi.

Beliau berkata, pada zaman dahulu, kemampuan seseorang itu bukan sahaja terletak kepada pemikiran tetapi kekuatan fizikalnya.

"Tetapi di zaman sains dan teknologi sekarang, kekuatan pemikiran lebih penting dan tidak lagi kekuatan tenaga," katanya.

Encik Mohd Adib berkata, semakin hari semakin luntur peranan seni silat di kalangan orang Melayu dengan adanya kemajuan sains dan teknologi.

Beliau memberitahu seni silat kemegahan bangsa Melayu ini tidak akan mati sekiranya disusun oleh badan-badan yang bertanggungjawab malah dengan kajian mendalam, ia boleh dikembangkan ke sekolah-sekolah dan mungkin di sukan antarabangsa malah ke Sukan Olimpik.

"Terpulanglah kepada badan-badan seni silat menjalankan kajian mendalam untuk

mengekalakan maruah seni silat sehingga boleh diperkenalkan ke dunia", kata beliau.

Ahli EXCO, Encik Ahmad Nordin Mohd Amin yang juga Pengerusi MGSSM berkata, MGSSM adalah gabungan 12 buah pertubuhan seni silat yang ada di Melaka dengan ahli kira-kira 5,000 orang.

Johan Perseorangan Terbaik di pertandingan itu dimenangi oleh Syed Yusof Syed Akhbar dari Kumpulan Silat Semandi, Johan Bunga Seni dimenangi oleh Kumpulan Silat Serantau, Johan Pasukan Terbaik ialah Kumpulan Silat Kunci Melayu dan Juara Pendekar 1981 dimenangi oleh Kumpulan Silat Serantau.

144 polis tamat kursus seni silat tiga bulan

KUALA LUMPUR, Rabu — Seramai 144 orang anggota polis yang tamat menjalani kursus seni silat selama tiga bulan menerima sijil masing-masing dalam satu upacara di Pusat Latihan Polis Diraja Malaysia di sini hari ini.

Kursus seni silat tersebut merangkumi seni silat, judo, dan karate.

Sijil tersebut disampaikan oleh Komandan Pusat Latihan Polis Diraja Malaysia, Jalan Gurney, Encik Ibrahim Sawal.

Sementara itu, seramai 43 orang anggota polis di pusat itu menerima sijil tamat-kursus pertolongan cemas anjuran Persatuan Bulan Sabit Merah cawangan Selangor. — Bernama.

'Jangan mudah terpengaruh' - ingat Shariff pada ahli2 silat

AHLI-ahli pertubuhan silat dinasihatkan jangan mudah terpengaruh dengan cemuhan serta tindakan kotor pihak tertentu yang bertujuan memecah-belahkan aktiviti silat dalam negara.

Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Seri Shariff Ahmad yang membuat nasihat tersebut berkata, terdapat beberapa pihak berkenaan cuba memutuskan jalinan persaudaraan antara pertubuhan silat dengan tujuan memusnahkan sama sekali keaslian silat di Malaysia.

Berucap merasmikan mesyuarat agung Persatuan Seni Silat Lincah Malaysia di Kuala Lumpur semalam, beliau berharap ahli-ahli silat supaya menggembeling usaha membawa seni silat ke pengetahuan dunia bukannya memecah-belahkan keutuhan yang ada dalam pertubuhan ini.

Beliau menegaskan agar semua ahli pertubuhan silat terutama sekali PSSLM mencari langkah mempamerkan pertunjukan silat ini ke peringkat antarabangsa. "Kalaupun judo, karate serta tae kwon do telah pun mendapat tempat di pengetahuan dunia, saya merasakan silat juga pasti mendapat tempat jika ada usaha positif dilakukan."

Datuk Seri Shariff menjelaskan, beliau sendiri akan bekerjasama dengan PSSLM untuk memperkenalkan silat tersebut ke pengetahuan luar.

"Dalam usaha besar ini, kita terlebih dulu perlu menarik minat lebih ramai lagi ahli-ahli supaya perkembangannya meluas, berlipat-ganda di seluruh negara."

Sementara itu, PSSLM merancang menubuhkan sebuah koperasi bagi persatuan tersebut sedikit masa lagi.

Langkah ini dilakukan bertujuan melicinkan lagi aktiviti pertubuhan tersebut di masa akan datang.

Satu usul menubuhkan koperasi telah diluluskan dalam mesyuarat semalam.

Penasihat PSSLM, Haji Idris Ibrahim dalam ucapan di majlis yang sama mengesyorkan pertubuhan silat di negara ini mengadakan "Festival Silat Negara" bertujuan memupuk semangat di kalangan ahli-ahli silat.

Sementara itu, Mahaguru Omardin Mauju dipilih semula sebagai Yang Dipertua persatuan tersebut.

Naib Yang Dipertua ialah Abdul Rahman Rosli. Setiausaha Agung Haji Abdul Wadud Haji Abdullah, penolong setiausaha pula Haji Diman Hassan manakala Bendahari Raja Hazizah Haji Ahmad.